

## Dialek Melayu Sarawak: Kelainan Semantik

MARY FATIMAH HAJI SUBET<sup>1</sup>  
DAYANG SARIAH ABANG SUHAI<sup>2</sup>  
NUR ARDINI JIAN ABDULLAH @ELMIE JIAN<sup>3</sup>  
SALBIA HAJI HASSAN<sup>4</sup>

Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),  
94300 Kota Samarahan, Sarawak

<sup>1</sup>sufatimah@cls.unimas.my, <sup>2</sup>asdsariah@cls.unimas.my,  
<sup>3</sup>jelmie@cls.unimas.my, <sup>4</sup>hsalbia@cls.unimas.my

**Abstrak** Dialek ialah kelainan bahasa yang dituturkan oleh sesebuah kelompok masyarakat. Di Malaysia, dialek yang dituturkan berbeza berdasarkan faktor geografi. Setiap daerah atau kawasan mempunyai dialek masing-masing. Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Banyak perkataan dalam DMS yang sangat berbeza dengan dialek-dialek Melayu di Semenanjung dan Sabah. Integrasi kaum antara penduduk Malaysia telah lama terlaksana. Terdapat banyak aktiviti ke arah mengintegrasikan penduduk ini. Salah satu cara yang diaplikasikan ialah melalui pemahaman terhadap makna atau semantik sesuatu bahasa yang dituturkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat penduduk dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang keliru dengan makna perkataan DMS dengan Bahasa Melayu Standard (BMS). Ekoran itu, berlaku salah faham, salah sangka, kegagalan menyampaikan maksud sebenar, prejudis dan sebagainya. Hal ini dikhuatiri akan merencatkan konsep perpaduan kaum yang cuba dipertahankan. Hal ini perlu dicari jalan penyelesaiannya. Salah satu cara penyelesaiannya ialah kedua-dua penutur dan pendengar harus mempunyai sikap saling memahami terhadap bahasa yang dituturkan. Di sinilah terlaksana kajian rintis yang menggariskan kosa-kosa kata dalam DMS yang mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi semantiknya dengan BMS. Sungguhpun pengumpulan kosa-kosa kata ini mengambil masa, kajian rintis ini akan menjadi pemula kepada kajian lanjutan yang bersifat saintifik. Pengumpulan kosa-kosa kata tersebut adalah berdasarkan acuan semantik dan kajian ini nanti akan dapat mengelak berlakunya kekeliruan dan kecelaruan semantik.

**Kata Kunci:** kelainan bahasa, dialek Melayu Sarawak, semantik, Bahasa Melayu Standard, 1Malaysia

*Abstract* Dialect is a language variation that is spoken by a particular language community. In Malaysia, spoken dialects differ according to geographical factors. Each district or area has its own dialect. The Sarawak Malay dialect (DMS) has prominent differences from other dialects in Malaysia. There are many words in DMS that varies from Malay words commonly used in Peninsular Malaysia and Sabah. Integration between races in Malaysia has long been established. Many activities are necessary to achieve this integration. One such way is via the understanding of meaning and semantics across the spoken dialects. Nonetheless, some Malaysians domiciled in Peninsular Malaysia and Sabah still have difficulty understanding the meaning of words in DMS and the standard Malay language (BMS). Hence, misunderstandings and misinterpretations do occur leading to prejudiced behaviour. This may pose a threat to the 1Malaysia concept. Hence, there is a need to overcome this problem and one of the ways is for both speakers and listeners to have mutual understanding of the language spoken. Consequently, this preliminary study attempts to identify similarities and differences in semantic meaning between DMS and BMS vocabulary items. Since collecting the vocabulary is an ongoing process, this preliminary study will need to be supplemented with further scientific research. The collection methodology is based on the semantic framework and it is hoped that this research will go some way to help eradicate confusion in semantic interpretation.

**Keywords:** language variation, Sarawak Malay dialect, semantic, Standard Malay Language, 1Malaysia

## PENGENALAN

Dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek-dialek Melayu lain di Malaysia. Banyak perkataan dalam DMS yang sangat berbeza dengan dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Sehingga kini, masih terdapat penduduk dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang keliru dengan makna perkataan DMS dengan Bahasa Melayu (BM). Ekoran daripada itu, salah faham, kegagalan menyampaikan maksud sebenar, prejudis dan sebagainya

berlaku. Hal ini telah dinyatakan secara verbal oleh responden yang diajukan soalan-soalan yang berkaitan secara rawak oleh pengkaji dan juga melalui borang soal selidik yang diedarkan. Oleh hal yang demikian, ia dikhuatiri akan merencatkan konsep persefahaman dan perpaduan kaum di Malaysia. Contohnya, seorang penutur jati DMS menuturkan kata “burit” akan dianggap mencarut, lucu, kurang ajar, dan kurang sopan oleh pendengar bukan penutur DMS. Begitu juga penutur BM yang menuturkan kata “lawa” akan disalah anggap pengertiannya dengan kata “sombong” oleh pendengar DMS. Contoh-contoh kata “burit” dan “lawa” ini cuma antara beberapa patah perkataan yang digunakan oleh pengkaji dan diajukan secara rawak sahaja kepada responden-responden yang merupakan pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang menuntut di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), khususnya para pelajar yang mengikuti kursus PBM 2033 Dialek Melayu Sarawak yang ditawarkan sebagai kursus elektif. Hal ini telah membawa kepada usaha untuk menjalankan kajian rintis terhadap ketidaktahuan semantik antara DMS dan BM. Pada permulaan kajian ini, didapati responden-responden yang diajukan perkataan-perkataan berkenaan, menunjukkan reaksi yang berbeza-beza. Reaksi tingkah laku antaranya malu, senyum sinis dan menggeleng-gelengkan kepala. (*Reaksi verbal pula akan dikemukakan dalam bahagian analisis dan perbincangan kertas kerja ini*). Terdapat responden yang diajukan perkataan secara rawak, telah menulis dalam penilaian atas talian terhadap pengkaji sebagai membincangkan perkara yang berkonotasi buruk di dalam kuliah. Reaksi seperti ini memberi peluang kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian rintis dan meneroka sikap sedemikian ekoran penyebutan kata-kata berkenaan yang rata-rata dianggap sebagai berkonotasi buruk tadi.

Perbendaharaan kata BM kebanyakannya menyerap kosa kata daripada dialek-dialek Melayu, bahasa serumpun ataupun istilah-istilah asing sebagai sumber istilahnya. Kosa kata yang telah menjadi BM inilah yang dimasukkan sebagai entri dalam sesebuah kamus untuk dijadikan rujukan utama para pengguna bahasa. Menurut Noresah Baharom (1993), entri yang dimasukkan dalam *Kamus Dewan* terdiri daripada enam kategori kata, iaitu Melayu baku, kata dialek, kata bahasa percakapan (termasuk bahasa kasar, slanga, ungkapan bukan formal), kata yang digunakan dalam sastera lama, kata teknikal (istilah dalam bidang tertentu) dan kata pinjaman.

Walau bagaimanapun, jika diteliti perbendaharaan kata BM dan dibandingkan dengan kosa kata dalam dialek-dialek negeri, banyak perkataan yang sama sebutan dan ejaannya, tetapi berbeza makna yang dimaksudkannya. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Abdul Hamid Mahmood (2006) yang turut membandingkan leksikal yang sama tetapi berbeza maknanya dalam dialek Melayu Kelantan (DMK) dengan Bahasa Melayu, contohnya perkataan “selalu” (DMK–“segera”, BM–“kerap”), “berahi” (DMK–“gemar”, BM–“syok”), “rajin” (DMK–“pernah”, BM–“tekun”), “selak” (DMK–“pengsan”, BM–“menyingkap/palang pintu”), dan “sisa” (DMK–“sagu hati untuk tetamu majlis perkahwinan”, BM–“buangan”). Perbezaan makna seperti ini boleh menimbulkan kekeliruan atau salah faham dalam sesebuah komunikasi. Begitu juga dengan kosa kata yang terdapat dalam DMS yang turut menimbulkan salah faham terhadap makna yang diungkapkan. Misalnya, perkataan “belon,” “tikam,” dan “tetak” dalam DMS adalah berlainan makna daripada BM yang ditakrifkan dalam kamus (akan dikupas lebih lanjut dalam bahagian perbincangan).

Kerangka semantik yang dilihat pada permulaan kajian ini hanyalah makna pada peringkat permukaan sahaja, atau disebut semantik deskriptif. Semantik linguistik deskriptif atau semantik deskriptif adalah penelitian dan penghuraian tentang makna bagi ayat dan ucapan dalam sesuatu bahasa tertentu (Hashim Musa & Ong Chin Guan, 1998). Makna peringkat permukaan cuma dilihat pada bentuk logik atau makna leksikal dalam sesuatu ayat atau penggunaannya dalam ujaran.

Kajian rintis ini menggariskan tiga objektif untuk dicapai. Tiga objektif tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Membezakan makna perkataan dalam DMS dengan makna perkataan dalam BM, khususnya yang terkandung dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007).
2. Mengenal pasti perkataan dalam DMS atau BM yang berkonotasi buruk antara satu sama lain.
3. Mengumpul kosa kata DMS dan BM yang berhomonim, iaitu sama sebutan dan ejaannya tetapi berbeza semantik.

Banyak perkataan dalam DMS yang sangat berbeza dengan BM. Kewujudan perbezaan ini menimbulkan masalah komunikasi antara penutur BM dan penutur DMS. Masalah ini dapat dikesan terutama sekali apabila

menyentuh tentang perbezaan makna antara DMS dengan BM walaupun daripada segi sebutan, kedua-dua DMS dan BM memaparkan bunyi sebutan yang sama atau hampir sama dalam banyak perkataan. Ekoran itu, berlaku salah faham, salah sangka, kegagalan menyampaikan maksud sebenar, prejudis dan sebagainya. Daripada kajian ini, didapati ada sesetengah pihak beranggapan sesetengah pihak mencarut, berkata sesuatu yang lucu, kurang manis, kurang ajar atau kurang sopan. Hal ini dikhuatiri akan turut merencatkan konsep 1Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung.

### METODOLOGI KAJIAN DAN SUMBER DATA

Kajian ini ialah kajian rintis dalam bidang linguistik yang menuntut penemuan penyelidikan yang bersifat empiris kerana kajian ini juga merupakan kajian ilmiah yang bersandarkan pengetahuan menerusi pengalaman, di samping bersifat induktif, iaitu melakukan pengamatan ke atas fakta-fakta yang diperolehi daripada sampel. Metodologi penyelidikan saintifik ilmu linguistik diketengahkan agar kajian yang benar-benar tepat dapat dikemukakan.

Sebagai permulaan, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan kerana ia lebih mementingkan makna, pemahaman dan realiti sebenar yang berlaku. Pengkaji mendapati perspektif seperti ini dapat membantu pengkaji memahami secara mendalam tentang fenomena sebenar kajian ini. Hal ini adalah kerana tingkah laku dan emosi manusia, ciri-ciri dan situasi-situasi persekitaran sukar difahami sepenuhnya dengan hanya menggunakan angka. Data dikutip melalui temu bual, soal selidik, melalui pengamatan dan catatan, di samping data sendiri dan daripada informan penutur natif dan juga penutur non-natif. Semua data ini kemudian diteliti maknanya pada peringkat permukaan sahaja.

Data-data yang dikumpulkan kemudian dibandingkan maknanya dalam kamus. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) (KDE4) menjadi asas perbandingan dengan DMS kerana kebanyakan kata yang dikenal pasti sebagai data (rujuk Jadual 1) merupakan entri yang juga terdapat dalam kamus tersebut. Namun, makna yang tertera dalam KDE4 adalah tidak sama dengan makna yang didukung dalam DMS. Maka, hal ini akan menjadikan pengguna bahasa ataupun pendengar yang bukan penutur jati DMS akan menjadi keliru terhadap makna yang terungkap dalam sesuatu komunikasi.

Selain itu, KDE4 merupakan sumber rujukan utama bagi sesuatu perkataan yang sering digunakan dalam BM. Dalam KDE4 didapati wujud entri yang dimasukkan daripada etimologi bahasa serumpun atau dialek-dialek Melayu yang lain. Menurut pihak Dewan Bahasa dan Pustaka selaku penerbit KDE4, meskipun keterangan etimologi yang terkandung dalam kamus ini tidak diberikan selengkapnya dan hanya sekadar menyatakan bahasa sumber sesuatu perkataan yang sudah meresap ke dalam perbendaharaan Bahasa Melayu, maklumat tersebut dapat menjadi titik permulaan pengkajian tentang kata-kata pinjaman (KDE4, 2007:xiix). Rentetan daripada itu, pengkaji berpendapat sesebuah kamus yang menjadi sumber rujukan utama perbendaharaan kata sesuatu bahasa, perlu dilengkapi dengan etimologi dan diberikan makna asal seperti dalam bahasa atau dialek sumbernya supaya pengguna bahasa yang berlainan latar budaya dapat memahami antara satu sama lain ataupun dapat mengelakkan salah faham semasa berkomunikasi. Hal ini selaras dengan pendapat Norliza Jamaluddin (2002) bahawa hampir semua kosa kata yang digunakan oleh masyarakat Melayu yang dimuatkan dalam kamus, khususnya *Kamus Dewan* merupakan kata yang berupa dialek. Oleh itu, kamus perlu diberikan takrifan yang kemas dan jelas.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Ada perkataan dalam DMS yang sering digunakan dalam percakapan seharian masyarakat Melayu Sarawak tidak sama maknanya dengan BM, walaupun dari segi ejaannya adalah sama. DMS digunakan dengan meluas di bahagian Kuching, Sri Aman, Sibul, Bintulu dan Miri. Di Limbang dan Lawas, BM adalah perantaraan yang digunakan oleh penduduk setempat. Sebutan dalam DMS yang ketara adalah pada huruf “r” kerana ditekankan dengan nada yang berat /R/ sepertimana sebutan orang Melayu di utara Semenanjung.

Dalam urusan seharian, penutur akan menggunakan DMS untuk berurusan sama ada dalam perbualan atau melibatkan urusan rasmi sekiranya pekerja yang bertugas di sesuatu jabatan/organisasi/pejabat berkenaan merupakan orang Sarawak. Memang terdapat persamaan dan perbezaan beberapa kosa kata DMS dengan BM seperti dalam penggunaan harian. Berikut adalah 30 data yang dikutip secara rawak. Makna permukaan yang diteliti telah mengemukakan perbezaan seperti di Jadual 1.


**Jadual 1:** Contoh perbezaan makna leksikal DMS dengan BM

Bil.	Kata	Sebutan/ (Makna dalam BM)	Sebutan/ (Makna dalam DMS)
1.	monyet/keras	monyet/keras (binatang)	keras? (binatang)
2.	kerak nasi	kerak nasi (kerak nasi)	kerak (kerak nasi)
3.	burit	burit (alat kelamin)	burit (punggung)
4.	kapal terbang	kapal terbang (kapal terbang)	belon (kapal terbang)
5.	belon	belon (belon)	gelembong (belon)
6.	lawa	lawa (cantik/kacak)	lawa (sombong)
7.	kepak	kepak (sayap)	kepak (penat)
8.	ketawa	ketawa (gelak)	tetak (ketawa)
9.	sikat	sikat (sikat rambut)	sisir (sikat rambut)
10.	sisir	sisir (penjodoh bilangan)	sisir (sikat rambut)
11.	sedap	sedap (rasa enak)	nyaman (sedap)
12.	kelat	kelat/rasa kelat	kelat (mengantuk)
13.	bait	bait (rangkap pantun)	bait (sihat/sembuh/baik hati)
14.	tetak	tetak (potong/kerat/cantas)	teta? (potong)
15.	petang	petang (senja)	petang (senja/gelap)
16.	lalu	lalu (melintas)	lalu (melintas/terlalu masak)
17.	masing-masing	masing-masing (setiap orang)	masin-masin (setiap orang)
18.	taman	taman (taman perumahan/taman permainan)	taman (buluh yang panjang untuk menyidai kain)
19.	inang	inang (pengasuh/mak inang)	inang (bela/jaga)
20.	kelakar	kelakar (jenaka)	kelakar (bercakap)
21.	tapak	tapak (kawasan)	tapa? (pinggan)
22.	lebih	lebih (baki/lebih sesuatu)	lebih (banyak mulut)
23.	carik	carik (koyak)	carik (mencari)
24.	kutip	kutip (pungut)	putit (kutip)
25.	babak	babak (bahagian dalam drama/cerita)	babak (gagap) baba? (membuka sesuatu dengan kasar)
26.	lasak	lasak (selalu bergerak/tahan lasak)	lasa? (sedikit botak)
27.	tersedak	tersedak (tersedak/terbelahak kerana salah menelan)	sendat (tersedak/terbelahak kerana salah menelan)
28.	tikam	menikam (dengan pisau dll.)	tikam (melontar sesuatu)
29.	nenen	nenen (susu botol yang diberi kepada bayi)	nenen (botol susu/susu botol/payudara)
30.	pantat	pantat (punggung/dubur/kemaluan perempuan)	pantat (rogol)

## Kata DMS yang Berkonotasi Kurang Baik dalam BM





Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat responden memberi reaksi yang berbeza terhadap beberapa perkataan dalam DMS yang dianggap berkonotasi buruk dalam BM. Berikut dikemukakan beberapa contoh data yang diajukan sama ada dalam DMS atau BM dan reaksi responden secara spontan dalam perkataan/kosa kata terhadap ayat-ayat yang diajukan oleh pengkaji.

BM:






DMS:






Melalui beberapa contoh tersebut, menunjukkan terdapat kosa kata khusus yang digunakan dalam masyarakat Melayu Sarawak mempunyai pengertian yang halus dalam DMS. Namun, jika diajukan kepada penutur bukan DMS yang tidak pernah didedahkan atau mendengar DMS, mereka beranggapan perkataan atau kosa kata yang dikemukakan bermaksud kasar atau kurang sopan dan begitu juga sebaliknya.

### **Kata DMS yang Berhomonim dengan BM**

Terdapat juga perkataan yang perlu digunakan berdasarkan konteks kerana membawa makna yang berbeza, iaitu bersifat homonim. Oleh itu, pengguna DMS dan BM perlu berhati-hati semasa berkomunikasi supaya tidak tersalah pilih perkataan dan mengelakkan salah faham antara pihak yang berkomunikasi. Berikut dikemukakan beberapa contoh perkataan atau kosa kata yang sama sebutan antara DMS dengan BM tetapi berlainan semantikanya.





Jika dirujuk dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), bentuk kata yang disenaraikan sememangnya wujud sebagai entri dalam kamus. Namun, makna yang dimaksudkan dalam DMS adalah tidak sama dengan BM dan tidak disenaraikan sebagai etimologi Sarawak. Berdasarkan beberapa kata yang disenaraikan dalam Jadual 1, hanya terdapat dua entri yang diberikan etimologi Sarawak dan ditulis sebagai homonim, iaitu:

**kelakar II** Sr 1. perbualan; 2. omong kosong. (KDE4, 2007:710)  
**lawa III** Sr sombong. (KDE4, 2007:899)

Berdasarkan etimologi tersebut dalam kamus, maka makna yang dinyatakan boleh membantu pendengar memahami maksud yang diucapkan oleh penutur DMS. Walau bagaimanapun, perkataan lain yang digunakan dalam DMS (seperti dalam Jadual 1) turut terdapat dalam KDE4, tetapi makna dalam DMS tidak dinyatakan. Hal ini pasti mengelirukan pendengar terhadap penginterpretasian makna yang dimaksudkan oleh penutur DMS, misalnya kata “belon,” “tetak” dan “tikam” yang langsung tidak dinyatakan makna DMS dalam kamus.

### **Data 1: Belon**

*Kamus Dewan* (2007:157) menyenaraikan dua makna belon yang berpolisemi, iaitu:

1. Bola daripada getah nipis yang diisi dengan udara, digunakan sebagai mainan kanak-kanak atau hiasan;
2. Bola besar yang diisi dengan udara panas atau gas yang lebih ringan daripada udara untuk dinaikkan dan diapungkan di udara, biasanya ada bakul besar untuk membawa penumpang, dsb.

Berdasarkan pengertian makna yang dikemukakan, hanya terdapat dua makna yang dinyatakan dalam KDE4. Oleh itu, pendengar yang berkomunikasi atau terdengar penggunaan perkataan tersebut dalam DMS akan terus berinterpretasi bahawa perkataan “belon” tersebut merujuk kepada bola getah berkenaan. Namun, maksud sebenar dalam DMS merujuk “kapal terbang.” Di samping itu, huruf “e” dalam entri “belon” yang disebut /bèlon/ dalam KDE4 turut dilambangkan dengan sebutan [è] (iaitu e taling). Dalam DMS, sebutan /bèlon/ adalah sama dan hal ini boleh juga menimbulkan kekeliruan kepada pendengar yang bukan penutur jati DMS kerana bunyi sebutannya turut mengesahkan lagi interpretasi makna bagi perkataan “belon” yang merujuk “bola getah” tersebut. Jadi, perkataan “belon” yang berhomonim ini perlu diberi takrifan yang jelas dalam kamus dengan memasukkannya sebagai homonim II dan diletakkan bahasa sumber Sarawak (Sr) supaya pendengar dan penuturnya dapat memahami maksud sebenar yang dinyatakan semasa berkomunikasi:

**II** Sr kapal terbang.

### **Data 2: Tetak**

Dalam *Kamus Dewan* (2007:1676), terdapat dua makna yang berhomonim bagi entri “tetak,” iaitu:

**I** luka ~ luka kerana diparang (dibacok);

**II** Mn ark; **menetak, menetakkan** menetapkan, memastikan, menentukan; ~ *harinya* menentukan harinya.

Dalam DMS, kata “tetak” mempunyai dua makna yang berbeza, iaitu pertama bermaksud “ketawa” dan kedua “potong.” Meskipun bentuk kata “tetak” dilihat hampir sama, namun dalam DMS makna yang kedua “potong” dilambangkan dengan bunyi sebutan /təta?/ (iaitu terdapat hentian glotis) yang sama maksudnya dengan homonim I dalam KDE4. Sementara itu, cara penyebutan untuk makna “ketawa” dalam DMS adalah tetap sama seperti homonim BM, tetapi berbeza maknanya. Jelas bahawa pengguna atau pendengar akan keliru dengan maksud yang dinyatakan dalam DMS kerana makna tersebut tidak terdapat dalam kamus. Oleh itu, pengkaji berpendapat entri “tetak” yang mempunyai etimologi Sarawak ini perlu dimasukkan dalam kamus dengan menambah maknanya dalam hiponim I sebagai polisemi, dan juga menulisnya sebagai homonim III seperti yang berikut:

- I** 1. *luka* ~ luka kerana diparang (dibacok); 2. Sr potong (menggunakan parang)  
**III** Sr ketawa.

### **Data 3: Tikam**

Kata “tikam” dalam DMS membawa makna “perbuatan melontar sesuatu.” Namun dalam BM seperti yang tersenarai dalam kamus, perkataan tersebut membawa makna yang berbeza dan berkonotasi buruk, iaitu “perbuatan menusuk dengan benda tajam (seperti pisau, keris, dll),” dan makna untuk hiponim II lebih kepada bentuk pertaruhan atau cara permainan “~ *dadu* main dadu; ~ *ekor* sejenis judi dengan mempertaruhkan wang pada nombor-nombor terakhir keputusan loteri atau lumba kuda” (KDE4, 2007:1682). Oleh itu, berdasarkan makna yang berbeza ini, pendengar yang bukan penutur jati DMS akan beranggapan kata “tikam” yang digunakan oleh penutur DMS adalah berkonotasi buruk kerana kognisi mereka hanya didedahkan dengan makna tersebut dalam kamus. Maka, pengkaji berpendapat etimologi Sarawak juga perlu dimasukkan dalam kamus sebagai homonim III supaya memudahkan pemahaman pendengar seperti yang berikut:

- III** Sr perbuatan melontar sesuatu.

Jelas bahawa kata yang sama dalam BM dan DMS mempunyai makna yang berbeza walaupun sebutan dan ejaannya sama dan bersifat

homonim. Oleh itu, pengkaji berpendapat sebuah kamus yang lengkap perlu memasukkan etimologi dialek-dialeknya supaya memudahkan pemahaman pendengar dan penutur semasa berkomunikasi, terutama yang melibatkan komunikasi silang budaya.

## KESIMPULAN

Daripada kajian rintis yang dilakukan ini, didapati responden telah mengemukakan reaksi yang berbentuk ujaran negatif. Hal ini menunjukkan terdapat keadaan yang boleh membawa kepada berlakunya salah sangka, salah tanggapan, tuduh-menuduh kerana kegagalan menyampaikan dan memahami maksud sebenar. Dalam hal ini, kedua-dua pihak yang berkomunikasi mesti tahu sama ada makna perkataan dalam BM dan juga mesti tahu makna perkataan dalam DMS. Di samping itu, penutur mesti peka terhadap sensitiviti orang yang diajak berdialog. Penutur mesti tahu menggunakan satu-satu perkataan berdasarkan situasi atau konteks. Penutur-pendengar mesti ada sifat saling menerima dan saling memahami antara satu sama lain.

Data-data yang dikemukakan belum dikaji sepenuhnya. Pengumpulan kosa-kosa kata ini akan mengambil masa. Namun, kajian ini menjadi pemula kepada kajian lanjutan yang bersifat saintifik. Pengumpulan kosa kata tersebut adalah berdasarkan acuan semantik dan kajian ini dapat mengelak berlakunya kekeliruan dan kecelaruan semantik.

Pengkaji telah melakukan tindakan susulan dengan bertanya semula kepada para responden yang telah selesai mengikuti kursus PBM 2033 Dialek Melayu Sarawak di UNIMAS tentang keselesaan mereka menerima input pelbagai kosa kata dalam DMS yang berkonotasi kurang baik dengan BM. Responden mengatakan bahawa mereka sudah mula menerima kemasukan perkataan-perkataan berkenaan dalam kamus percakapan dan pendengaran mereka. Mereka juga telah semakin bersedia berada dalam lingkungan bahasa yang tidak pernah didedahkan kepada mereka (DMS). Kebanyakan responden juga mengatakan mereka akan berusaha bertutur dan mempelajari DMS dengan lebih meluas lagi bagi memudahkan mereka berinteraksi dengan penduduk tempatan. Kursus PBM 2033 Dialek Melayu Sarawak yang baru sahaja ditawarkan di UNIMAS semakin menarik minat ramai pelajar dari Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pengkaji juga telah menyarankan kepada mereka agar lebih berusaha berkomunikasi dalam DMS untuk menjadi lebih kompeten dalam dialek berkenaan.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2006. *Sintaksis dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa dan Ong Chin Guan. 1998. *Pengantar ilmu makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. 1993. Kamus Dewan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Disember:1120–1127.
- Norliza Jamaluddin. 2002. Pentakrifan dialek Perak dalam kamus. *Jurnal Bahasa*, Disember:490–503.